

UUM hasrat tubuh akademi golf



■ Mohamed Mustafa (lima, kiri) menyampaikan surat pelantikan sebagai Pengurus Kelab Golf dan Rekreasi kepada Mohd Rom.

MARIA UFFA

SINTOK - Universiti Utara Malaysia (UUM) berhasrat menubuhkan Akademi Kecemerlangan Golf dengan menawarkan kursus peringkat sijil dan diploma kepada mereka yang berminat untuk bekerja dalam industri golf.

Presiden Kelab Golf dan Rekreasi, Profesor Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, penawaran sijil dan diploma ini boleh memberi peluang kepada masyarakat setempat dan mereka yang ingin menceburi kerjaya dalam sukan ini.

"Langkah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menjadikan universiti ini sebagai Pusat Kecemerlangan Sukan Golf IPT di negara ini akan merencanakan lagi dengan penubuhannya kelak," katanya ketika menyerahkan surat pelantikan sebagai Pengurus Kelab Golf dan Rekreasi kepada Mohd Rom Muslim, 60.

Beliau berkata, peranan harus dimainkan supaya ia dapat memasyarakatkan sukan golf berkenaan.

"Kelab yang sedang menambah lapangan dari sembilan lubang ke 18 lubang ini harus menggamit lebih ramai peminat sukan golf bukan sahaja di Kedah, malah peringkat kebangsaan ataupun negara ditambah lagi sekiranya permohonan kawasan bebas cukai ini mendapat kelulusan dari kerajaan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah merasmikan Kelab Golf dan Rekreasi Universiti Utara Malaysia (UUM) petang semalam.

Sementara itu, Mohd Rom yang ditemui semasa majlis penyerahan surat pelantikan itu berkata, beliau akan menggunakan pengalaman selama 20 tahun dalam bidang ini untuk meningkatkan mutu kelab golf ini.

Menurutnya, beliau akan berusaha untuk merealisasikan hasrat universiti untuk mewujudkan akademi golf dengan menjalinkan kerjasama dengan Malaysian Golf Association (MGA) dan beberapa kelab golf yang ter-

kemuka.

"Bagi mereka yang berminat untuk menceburi bidang ini, kursus jangka pendek antara tiga hingga empat bulan boleh dilaksanakan dengan penyertaan seramai 30 hingga 40 orang dalam satu sesi," katanya.

Beliau berharap sukan golf ini perlu diperkembangkan kepada guru dan pelajar memandangkan Kementerian Pelajaran juga sudah melaksanakan dasar, satu murid bergiat dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan sebagai salah satu komponen program transformasi pendidikan bermula tahun ini.

Menurutnya, langkah ini adalah sokongan yang padu dari UUM untuk menyokong hasrat Muhyiddin merangkap Menteri Pelajaran untuk mengembalikan kegemilangan sukan ke peringkat sekolah.

"Justeru Kelab Golf UUM bersedia untuk mengadakan klinik, latihan dan menganjurkan pertandingan baik di peringkat daerah, negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa," katanya.